

© KHALILAH GUSTI HASSAN

PEMBUNGKUSAN menarik dan teknik pemasaran bertelusur, antara usaha kepada kejayaan dua usahawan wanita menerusi program di bawah Pelan Tindakan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Empower Ecer) dengan kerjasama Sirim, Maran, di sini.

Pemilik The Bakery Outlet, Rahmah Ali, 60, dari Felda Jenaka 5 di sini, berkata, meskipun telah menceburi bidang perusahan kuih baulu dari rumah selama 10 tahun, namun dia tidak pernah menerima pendapatan ribuan ringgit sebulan.

Namun, setelah diperkenalkan kepada Empower Ecer-Sirim pada 2014, Rahmah banyak mempelajari latihan kemahiran dan keusahawanan sekaligus memperoleh pendapatan tinggi.

"Kalau dulu nak dapat tempahan pun susah. Orang terdekat saja tapi sekarang tempahan banyak, sampai saya mampu buka kedai dan bengkel sendiri di Jenaka 5.

"Dulu tak ada pekerja, sekarang dah ada empat orang yang uruskan bengkel. Kuih baulu saya juga dah didaftarkan dengan jenama DarWani

Raih pendapatan lumayan

Usahawan OKU, ibu tunggal kongsi kejayaan

dengan pembungkusan menarik. Tempahan sekarang sampai ke luar Pahang juga," katanya.

Antara produk keluaran The Bakery Outlet ialah baulu, kek, dodol dan kuih tiram.

Rahmah yang merupakan ibu tunggal, berharap kejayaannya menjadi inspirasi kepada wanita lain untuk memperluaskan perniagaan dari rumah ke pasaran lebih luas dan terbuka.

Wanita OKU tak berani upah pekerja

Sementara itu, Marina Tumiran, 35, yang juga OKU akibat kemalangan jalan raya 17 tahun lalu berkata, Empower Ecer-Sirim banyak membantu meningkatkan keyakinan dan keberaniannya untuk terus

melabur dalam perniagaan bakeri, Make Up Bakery & Cafe.

Pemegang ijazah Pengurusan Sumber Manusia dari Universiti Utara Malaysia (UUM) ini berkata, pada mulanya dia sekadar berniaga kuih-muih di bazar Ramadan selepas kehilangan pekerjaan sebagai penyelia di Jabatan Perangkaan kerana berpindah.

"Saya isi borang SPA dan pergi tujuh kali temu duga untuk pelbagai jawatan kerajaan termasuk kerani, tapi rezeki tak menyebelahi saya. Jadi, saya ambil keputusan berniaga kuih saja. Masa tu pun, saya langsung tak pandai buat kuih. Saya tiru resipi orang dan mujur menjadi.

"Saya jual kuih koci, agar-agar dan bengkang. Selain di bazar, saya letak di kedai tapi perniagaan tak berkembang sebab tak pandai promosi. Saya tak yakin nak sewa kedai dan upah pekerja, sebab saya selalu tertanya-tanya, mampu ke nak bayar nanti?"

"Tapi lepas sertai Empower

Ecer pada 2014 dan belajar teknik pemasaran, saya dah berani sewa kedai dan tambah pekerja.

"Jadi, saya sewa sebuah kedai lagi untuk tampung permintaan tinggi dan tempakan bengkel membuat pelbagai jenis kek," katanya.

Bermula dengan tiga jenis kuih, kini Make Up Bakery & Kek berjaya menghasilkan 100 jenis kek dengan *tagline* dan resipi tersendiri iaitu tidak muak, rasa mewah serta lembut.

Hasil perniagaan bakeri juga membolehkan Marina memiliki aset idaman sendiri.

"Penting untuk usahawan dan pemilik perniagaan mengikuti kursus serta cari mentor dalam bisnes. Bukan sahaja sebagai wadah perkongsian ilmu dan pengalaman, tapi juga untuk cari sokongan dan kekuatan apabila kita dalam kesudahan.

"Tidak ada bisnes yang mudah petik jari. Perlu ada pengorbanan lebih-lebih lagi dari sudut kewangan.

"Pernah sampai habis duit, yang penting gaji pekerja dan pusingan modal perniagaan tetap berjalan. Hasilnya lumayan," katanya.

Rahmah kini botch berbangga dengan hasil produknya yang mempunyai pembungkusan dan jenama tersendiri.



Dari kiri, Rahmah dan Marina bergambar bersama pekerja mereka serta wakil Empower Ecer Maran di hadapan perniagaan Marina.



Chocolate Moza antara kek yang mendapat jualan tertinggi di Make Up Bakery & Kek.



Marina di hadapan kedai bakerinya di Bazaar RnR Maran.

INFO LATAR BELAKANG EMPOWER

Empower Ecer diperkenalkan pertama kali di Bentong pada 2010. Secara keseluruhannya, seramai 35,000 peserta Empower Ecer dilahirkan di Pahang sejak diperkenalkan pada 2010 dengan 420 daripadanya adalah usahawan yang dilahirkan di daerah Maran pada 2017.

Pertumbuhan ekonomi wilayah ini dipacu oleh lima kelompok ekonomi iaitu pelancongan, minyak, gas dan petrokimia, pembuatan, perniagaan tani serta pembangunan modal insan dan keusahawanan.

Kelompok ini disokong pembangunan dalam bidang pengangkutan, infrastruktur, hartanah dan alam sekitar untuk menjadikan wilayah ini sebagai ideal pelaburan dan pekerjaan sekali gus memangkinkan kehidupan berkualiti.